



‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)

Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-3/1 (5)
(Our Ref)

Tarikh : 29 Jun 2011
(Date)

‘SEPERTI SENARAI EDARAN’

Tuan,

MENINGKATKAN PENCAPAIAN PERLAKSANAAN PERAKUAN BOMBA.

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pelaksanaan Perakuan Bomba telah mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2002 dan tujuannya ialah untuk memastikan Pepasangan Keselamatan Kebakaran di Premis Ditetapkan dikawalselia dan diselenggara dengan sempurna. Disamping pemunya dan penghuni premis bertanggungjawab terhadap semua langkah-langkah keselamatan kebakaran serta semua rekod-rekod penyelenggaraan dikawalselia dengan baik.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan adalah diminta untuk mengambil tindakan proaktif bagi meningkatkan kelancaran pelaksanaan Perakuan Bomba. Diantara tindakan-tindakan yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- 3.1 Mengadakan sesi taklimat dan penerangan mengenai cara-cara memohon Perakuan Bomba, borang-borang yang digunakan, carta alir proses permohonan serta kesan jika tiada Perakuan Bomba,
- 3.2 Menyediakan surat-surat peringatan, dan
- 3.3 Menjalankan pendakwaan terhadap premis yang tiada Perakuan Bomba menurut seksyen 33 Akta 341 dengan mengemukakan kepada Cawangan Pendakwaan di negeri masing-masing.



4. Walaubagaimana pun tuan adalah diingatkan mengambil perhatian serius terhadap hanya premis yang tersenarai sebagai 'Premis Ditetapkan' sahaja yang perlu memperolehi Perakuan Bomba. Sila rujuk Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
b.p. Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

s.k

- i. YAS Ketua Pengarah
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah, JBPM Malaysia W.P. Kuala Lumpur
2. YS Pengarah, JBPM Negeri Selangor
3. YS Pengarah, JBPM Negeri Johor
4. YS Pengarah, JBPM Negeri Pulau Pinang
5. YS Pengarah, JBPM Negeri Perlis
6. YS Pengarah, JBPM Negeri Kedah
7. YS Pengarah, JBPM Negeri Perak
8. YS Pengarah, JBPM, W.P Putrajaya
9. YS Pengarah, JBPM Negeri Sembilan
10. YS Pengarah, JBPM Negeri Melaka
11. YS Pengarah, JBPM Negeri Pahang
12. YS Pengarah, JBPM Negeri Kelantan
13. YS Pengarah, JBPM Negeri Terengganu
14. YS Pengarah, JBPM Negeri Sarawak
15. YS Pengarah, JBPM Negeri Sabah
16. YS Pengarah, JBPM W.P. Labuan